

**PERSEPSI TERHADAP TEKNOLOGI BARU DAN KEDUDUKAN
NILAI ESTETIKA DALAM KRAFTANGAN:
KAJIAN KES PUSAT KRAFTANGAN NEGERI KEDAH MELALUI
SKIM INKUBATOR**

MOHAMAD FAIZAL BIN AHMAD ZAIDI

**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2007**

PENGAKUAN TANGGUNGJAWAB

Saya, dengan ini, mengaku bertanggungjawab di atas ketepatan semua pandangan, komen teknikal, laporan fakta, data, gambarajah, ilustrasi, dan gambar foto yang telah diutarakan di dalam laporan ini. Saya bertanggungjawab sepenuhnya bahawa bahan yang diserahkan ini telah disemak dari aspek hakcipta dan hak keempunyaan. Universiti Utara Malaysia tidak bertanggungjawab terhadap ketepatan mana-mana komen, laporan, dan maklumat teknikal dan fakta lain, dan terhadap tuntutan hakcipta dan juga hak keempunyaan.

I am responsible for the accuracy of all opinion, technical comment, factual report, data, figures, illustrations and photographs in the article. I bear full responsibility for the checking whether material submitted is subject to copyright or ownership rights. UUM does not accept any liability for the accuracy of such comment, report and other technical and factual information and the copyright or ownership rights claims.

Penyelidik:

Tandatangan

Nama: MOHAMAD FAIZAL BIN AHMAD ZAIDI

PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya dapat menyiapkan kajian kes ini dengan jayanya. Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih khususnya kepada Encik Mokhtar selaku Pengarah Pusat Kraftangan Negeri Kedah (PKNK) dan PKNK amnya yang telah banyak memberikan maklumat dan sokongan di dalam kajian kes ini.

Tidak lupa juga kepada semua responden yang memberikan kerjasama yang sangat menggalakkan terutamanya kepada Encik Abdul Rahman dan Puan Mashitoh yang telah banyak meluangkan masa dan buah fikiran mereka di dalam menjayakan kajian kes ini.

Saya juga ingin mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pihak Fakulti Pengurusan Teknologi kerana meluluskan cadangan kajian kes ini terutamanya kepada Tuan Dekan iaitu Prof Ir Dr Che Sobry dan Timbalan Dekan Penyelidikan dan Inovasi iaitu PM Dr Hasni, serta semua pensyarah dan kakitangan fakulti yang terlibat secara langsung atau tidak langsung di dalam memastikan kelancaran urusan yang berkaitan dengan perjalanan kajian ini.

Tidak ketinggalan kepada semua ahli-ahli panel penilai kajian kes ini kerana menilai dan memberikan pandangan serta cadangan untuk memperkukuhkan lagi kualiti kajian kes ini.

Akhir sekali, kepada semua rakan sejawat saya yang membantu memberikan nasihat dan berkongsi pandangan serta pihak Perpustakaan Sultanah Bahiyah dan Universiti Utara Malaysia amnya kerana bantuan yang diberikan.

Sekian, terima kasih

Mohamad Faizal Bin Ahmad Zaidi

SINOPSIS

Kraftangan adalah satu bidang yang dikaitkan dengan aktiviti penghasilan produk dengan menggunakan tangan dan alatan manual. Ia biasanya dihasilkan untuk tujuan perhiasan dan dilakukan untuk mengisi masa lapang dan/atau dilakukan secara kecil-kecilan. Hasil kraftangan selalu dikaitkan dengan nilai-nilai estetika yang terdapat di dalamnya. Nilai-nilai ini mencerminkan budaya dan bangsa masyarakat yang menghasilkannya.

Dengan hanya melihat kepada hasil kraftangan sahaja, seseorang itu sudah boleh meneka masyarakat atau bangsa yang memilikinya. Namun begitu, kraftangan sudah menjadi satu industri yang boleh menghasilkan pulangan yang lumayan kepada pengusahanya. Oleh yang demikian, kraftangan telah berubah daripada bersifat tradisional kepada yang bersifat komersial. Untuk mengkomersialkan produk kraf, teknologi baru/moden perlu digunakan kerana keluaran yang lebih seragam dapat dihasilkan dan permintaan pasaran dapat dipenuhi.

Walaupun bagaimanapun, penggunaan teknologi baru dikhuatiri akan menjejaskan nilai-nilai estetika produk kraf tersebut. Ini menyebabkan penggunaan teknologi dan pengekal nilai estetika menjadi perkara yang saling bergantung di antara satu sama lain.

Kajian kes ini dilakukan di Pusat Kraftangan Negeri Kedah melalui Skim Inkubator yang dijalankan. Kaedah kajian melalui tinjauan, temuramah, dan soal selidik telah dilaksanakan dan maklumat-maklumat yang diperolehi adalah berbentuk deskriptif. Selain itu, data-data sekunder daripada bahan berbentuk akademik dan bukan akademik seperti jurnal, buku, majalah, akhbar, dan internet juga digunakan.

SENARAI KANDUNGAN

Pengakuan Tanggungjawab	i
Penghargaan	ii
Sinopsis	iii
Senarai Kandungan	iv
Senarai Jadual	vi
Senarai Carta	vii

BAB 1: PENGENALAN

1.1	Latarbelakang Kajian	1
1.2	Isu Kajian	2
1.3	Persoalan Kajian	3
1.4	Objektif Kajian	3
1.5	Skop Kajian	3
1.6	Kepentingan Kajian	3

BAB 2: ULASAN KARYA

2.1	Pengenalan	4
2.2	Teknologi Dalam Kraftangan	5
2.3	Nilai Estetika Dalam Kraftangan	6
2.4	Skim Inkubator	7
2.5	Penyataan Masalah	9
2.6	Kesimpulan	11

BAB 3: KAEDAH KAJIAN

3.1	Pengenalan	12
3.2	Kaedah Pengumpulan Data	13
3.2.1	Data Utama	13
3.2.2	Data Sekunder	15
3.3	Kaedah Analisis	16

BAB 4: HASIL KAJIAN

4.1	Pengenalan	18
4.2	Bahagian Satu	18
	4.2.1 Analisis Kuantitatif	18
	4.2.2 Analisis Kualitatif	31
4.3	Bahagian Dua	37
4.4	Limitasi Kajian	44

BAB 5: KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Kesimpulan	47
5.2	Cadangan	49

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Kategori Industri Kraftangan	4
Jadual 2: Teknologi Umum	24
Jadual 3: Perancangan dan Pelaksanaan	25
Jadual 4: Alatan dan Kemudahan	26
Jadual 5: Kemahiran Pertukangan	28

SENARAI CARTA

Carta 1: Saya meminati bidang kraftangan yang diceburi.	18
Carta 2: Saya rasakan bidang kraftangan adalah bidang yang mudah unruk diceburi.	18
Carta 3: Bidang kraftangan bidang tradisional yang tidak memerlukan teknologi baru.	18
Carta 4: Teknologi baru mampu untuk memudahkan kerja dalam kraftangan.	18
Carta 5: Saya ingin mempelajari teknik kraftangan terbaru.	19
Carta 6: Saya menyedari kewujudan teknologi baru dalam kraftangan yang diceburi.	19
Carta 7: Saya bersedia untuk mempelajari teknologi baru dalam kraftangan.	19
Carta 8: Latihan yang diajar sama seperti objektif yang dinyatakan.	19
Carta 9: Pengajar mempunyai kemahiran mendalam untuk mengajar.	20
Carta 10: Pengajar mengajar kemahiran pertukangan (<i>soft skill</i>) dengan berkesan.	20
Carta 11: Pengajar menunjukkan cara menggunakan perkakasan dengan berkesan.	20
Carta 12: Kemudahan yang disediakan menepati keperluan.	20
Carta 13: Alatan dan kemudahan adalah yang terkini dalam bidang kraftangan.	21
Carta 14: Alatan dan kemudahan sentiasa berkeadaan baik untuk digunakan.	21
Carta 15: Saya tidak pernah melihat alatan yang digunakan sebelum mengikuti skim.	21
Carta 16: Saya tidak pernah menggunakan alatan seperti di sini sebelum mengikuti skim.	21
Carta 17: Pengetahuan dan kemahiran menggunakan perkakasan mudah dikuasai.	22

Carta 18: Saya berpendapat perkakasan yang disediakan bukan yang termoden.	22
Carta 19: Kemahiran yang diajar mudah untuk difahami.	22
Carta 20: Kemahiran yang diajar sesuai dengan bidang kraftangan yang diceburi.	22
Carta 21: Kemahiran yang diajar dapat dipraktikkan dalam keadaan sebenar.	23
Carta 22: Terdapat perbezaan pengetahuan ketara hasil daripada latihan yang dijalankan.	23
Carta 23: Saya dapat menguasai kemahiran pertukangan yang diajar dengan berkesan.	23
Carta 24: Saya dapat menguasai kemahiran menggunakan perkakasan dengan berkesan.	23
Carta 25: Rumusan Keseluruhan Jawapan Responden	30

BAB I PENGENALAN

1.1 LATARBELAKANG KAJIAN

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan hasil kraftangannya. Setiap negeri mempunyai identiti kraftangannya yang tersendiri seperti labu sayung di Perak, wau bulan di Kelantan, dan batik di Terengganu. Kraftangan dikelaskan kepada beberapa kategori berasaskan kepada bahan yang digunakan. Antaranya yang berasaskan kepada tekstil, rotan, tembaga, besi, kayu, dan tanah. Industri kraftangan yang pelbagai ini bukan sahaja perlu dipertahankan untuk tatapan generasi akan datang dan sebagai simbol budaya kita, tetapi juga mampu menjana pendapatan kepada negara terutamanya melalui industri pelancongan (Chamsuri, Abdul dan Ahmad, 1995).

Kraftangan sering kali dikaitkan dengan peralatan perhiasan, yang dihasilkan secara keseluruhannya dengan menggunakan tangan atau peralatan yang ringkas. Kraftangan juga merujuk kepada benda yang boleh digunakan dan mempunyai tujuan lebih daripada perhiasan semata-mata. Ia adalah satu bidang yang lazimnya dikaitkan dengan tradisi masyarakat yang memilikinya.

Kajian ini akan melihat kepada dua perkara penting dalam industri kraf iaitu teknologi dan nilai estetika. Kajian tentang teknologi dalam Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) telah banyak diperbincangkan tetapi kajian secara langsung ke atas industri kraf sangatlah

sedikit. Selain itu, tiada kajian yang dibuat yang mengaitkan penggunaan teknologi dengan kesannya ke atas nilai estetika sesuatu produk kraf.

Di Malaysia khasnya terdapat satu kajian yang melihat kepada penggunaan teknologi dalam kraftangan pada tahun 1993 dan hasil dapatan menunjukkan bahawa responden secara umumnya lebih menyukai kaedah tradisional berbanding penggunaan teknologi moden (Ahmad dan Hassan, 1993). Oleh itu, kajian ini ingin melihat adakah usahawan kraf kini boleh menerima penggunaan teknologi baru dan persepsi mereka terhadap nilai-nilai estetika apabila teknologi baru digunakan.

1.2 ISU KAJIAN

Untuk meningkatkan sumbangan industri ini kepada negara dan seterusnya membantu mencapai RMK-9 melalui penekanan kepada teras ketiga iaitu menangani masalah sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif, maka industri kraftangan haruslah menggunakan teknologi baru untuk menghasilkan produk yang berdaya saing dan boleh dikomersialkan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat desa. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi yang tidak terkawal boleh menjejaskan nilai-nilai estetika yang terdapat di dalam produk kraf.

Oleh itu, isu yang perlu dijawab adakah industri kraftangan bersedia untuk menerima perubahan dengan penggunaan teknologi baru? Terjejaskah nilai-nilai estetika jika teknologi baru digunakan?

1.3 PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah usahawan kraf sudah bersedia untuk menerima penggunaan teknologi baru bagi menghasilkan kraftangan komersial?
2. Apakah tanggapan usahawan kraf terhadap nilai-nilai estetika di dalam kraftangan hasil penggunaan teknologi.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengukur persepsi usahawan kraf terhadap penerimaan teknologi baru.
2. Mengenalpasti tanggapan umum usahawan kraf terhadap nilai-nilai estetika dengan penggunaan teknologi baru.

1.5 SKOP KAJIAN

Kajian kes ini memfokus kepada peserta-peserta Skim Inkubator dan pegawai Pusat Kraftangan Negeri Kedah.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

1. Menggalakkan penggunaan teknologi baru dalam industri kraf tempatan.
2. Meningkatkan daya saing usahawan kraf di dalam menghasilkan produk kraf yang bermutu.

BAB II ULASAN KARYA

2.1 PENGENALAN

Kraftangan mengikut definisi *United Nations Conference on Trade and Development* (UNCTAD) yang dipetik melalui Sulaiman (1993) ialah *is a manual skill intensive product produced with or without the use of tools, simple instruments or implements operated directly or indirectly by the craftsmen.*

Manakala Azrae Zainol (1993) pula mengatakan kraftangan merupakan industri yang berskala kecil dengan modal berbayar kurang daripada RM500,000 atau mempunyai tenaga kerja yang kurang daripada 50 orang. Ia juga dikenali sebagai industri desa kerana kebiasaannya terletak di kawasan desa. Industri kraftangan diklasifikasikan sebagai Enterpris Kecil dan Sederhana (EKS) di mana ia boleh dipecahkan kepada tiga kategori seperti di jadual 1 berikut:

Jadual 1: Kategori Industri Kraftangan

KATEGORI	BILANGAN PEKERJA	NILAI JUALAN TAHUNAN
Enterpris Mikro	1 – 5 orang	< RM85,000
Enterpris Kecil	6 – 49 orang	< RM1,500,000
Enterpris Sederhana	50 orang ke atas	RM10,000,000 ke atas

Sumber: Laman Web Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Negeri Kedah

Berdasarkan kepada Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) 2005-2010 melalui teras ketiga iaitu menangani masalah sosioekonomi yang berterusan secara membina dan

produktif, industri kraftangan seharusnya mengambil peluang daripada penumpuan kerajaan ini dengan menjadikan RMK-9 sebagai sandaran untuk meningkatkan keupayaan dan daya saing di pasaran serta mampu untuk menyumbangkan pendapatan kepada negara terutamanya melalui industri pelancongan.

2.2 TEKNOLOGI DALAM KRAFTANGAN

Menurut Chamsuri, Abdul dan Ahmad (1995), industri kraf masih belum mempunyai daya saing yang tinggi dari segi teknologi kerana terdapatnya kekurangan dalam penerimaan teknologi baru. Hal ini menyebabkan usahawan kraf menghadapi masalah di dalam menghasilkan produk kraf yang bermutu dan dikehendaki di pasaran.

Menurut Ahmad dan Hassan (1993), masalah dan cabaran yang wujud di dalam penggunaan teknologi oleh pengusaha kraf ialah kurang peka kepada perubahan atau kemunculan teknologi baru, tiada automasi dan mekanisma pada mesin dan peralatan, kekurangan daya inovasi dan kreativiti, kurang kefahaman terhadap produk dan proses, pekerja yang tidak berkemahiran, tiada kawalan kualiti, dan bentuk kemasan dan pembungkusan yang tidak menarik.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Oyelaran-Oyeyinka dan Lal (2006) menunjukkan proses pembelajaran adalah berlainan di antara negara-negara ke atas penggunaan teknologi baru oleh EKS dengan kadar capaian teknologi yang berbeza. Dengan kata lain kriteria-kriteria untuk pembelajaran teknologi baru adalah berlainan di antara negara.

Tidak dapat dinafikan bahawa EKS di Malaysia telah lama menerima kehadiran teknologi dan teknologi maklumat. Contohnya, Mustafa, Mohd Khairuddin dan Sa'ari (2004) mengatakan bahawa persepsi EKS terhadap penggunaan e-perniagaan adalah positif dan mereka menyedari akan kepentingannya.

Manakala kajian oleh Mohd Khairuddin et. al. (2004), pula menerangkan tentang amalan-amalan EKS yang telah berjaya menggunakan inovasi di Malaysia. Jika dilihat daripada hasil kajian di atas, EKS di Malaysia telahpun mempunyai kesedaran akan kepentingan teknologi dan mampu untuk menghasilkan produk yang berinovatif.

Sungguhpun begitu, adakah hasil kajian di atas dapat mewakili industri kraftangan memandangkan responden terdiri daripada EKS yang terlibat secara aktif di dalam industri pembuatan yang mengkehendaki penggunaan teknologi terkini dan berskala besar? Sebagai contohnya, penggunaan teknologi di dalam penghasilan produk pewter oleh Selangor Pewter (P. K. Yong, 1993).

2.3 NILAI ESTETIKA DALAM KRAFTANGAN

Perkataan estetika adalah terbitan daripada perkataan Yunani yang bermaksud persepsi dan biasanya digunakan untuk merujuk kepada apa yang bernilai tentang pengalaman (Feagin, & Maynard, 1997). Manakala *Oxford English Dictionary* pula menakrifkan estetika sebagai *the philosophy or theory of taste, or of the perception of the beautiful*.

Estetika yang wujud dalam jenama boleh memberikan nilai yang tinggi kepada produk yang dihasilkan (Pittard, Ewing, & Jevons, 2007). Manakala kajian estetika berkaitan antaramuka grafik komputer dilakukan oleh Ngo, Teo, dan Byrne (2003) tentang teori untuk mengekalkan estetika dalam penggunaan komputer.

Analisis tentang kandungan budaya dalam laman web dilakukan oleh Singh (2005) untuk menentukan sama ada laman web syarikat tempatan mempunyai kandungan budaya tempatan. Manakala Appignanesi (2007) mengkaji tentang masa depan seni apabila teknologi media digunakan.

Schroeder (2005) dalam kajiannya menyangkal tentang kesedaran hubungan di antara tradisi dan konvensi dalam seni visual, dan penghasilan serta penggunaan imej membawa kepada peningkatan kebolehan untuk memahami jenama sebagai amalan strategik. Selain itu, tidak terdapat banyak kajian tentang estetika dalam bidang kraf dan kebanyakan kajian yang ada menyentuh tentang jenama produk atau grafik komputer sahaja.

2.4 SKIM INKUBATOR

Program inkubator secara umumnya merujuk kepada strategi pembangunan perniagaan yang bertujuan untuk mempercepatkan proses pembentukan, pembangunan, dan daya saing perniagaan baru (Abduh, M. et. al., 2007).

Secara umumnya inkubator teknologi di Malaysia dimulakan oleh universiti, pusat penyelidikan, dan perbadanan berteraskan teknologi di mana matlamat mereka adalah untuk mewujudkan peluang pekerjaan, membangunkan teknologi, membangunkan produk, mengkomersialkan penyelidikan, dan memberi peluang perniagaan. (Nazatul Shima, A.R., 2007).

Selain itu, inkubator teknologi menyediakan mekanisma untuk perpindahan teknologi, menggalakkan pertumbuhan melalui inovasi dan aplikasi teknologi, membantu pembangunan strategi ekonomi untuk syarikat kecil, dan menggalakkan pertumbuhan ekonomi tempatan. (Philips, R.G., 2002).

Kajian menunjukkan bahawa syarikat yang mengikuti program inkubator teknologi mempunyai kadar pertumbuhan yang lebih tinggi daripada syarikat yang tidak mengikuti program inkubator teknologi. Aspek yang dinilai dalam kajian tersebut ialah ciri-ciri peribadi pengasas syarikat, motivasi bekerja sendiri, pertumbuhan dan prestasi inovatif syarikat, rangkaian perniagaan, dan capaian kepada subsidi kerajaan. (Colombo, M.G, dan Delmastro, M. 2002).

Sebagai sebuah badan yang telah dipertanggungjawabkan untuk memartabatkan industri kraftangan di negeri Kedah khususnya, Pusat Kraftangan Negeri Kedah di bawah skim inkubator berusaha untuk melahirkan usahawan kraf yang mampu untuk meningkatkan taraf hidup terutamanya masyarakat desa.

Skim ini bertujuan untuk membimbing usahawan kraf supaya bersedia dan berupaya untuk menjalankan perniagaan sendiri. Ia menyediakan kemudahan dan perkhidmatan yang membantu usahawan kraf dalam menghasilkan kraftangan secara komersial. Ia menawarkan pelbagai kemudahan kepada peserta seperti kemudahan gunasama, kemudahan ruang operasi, dan kemudahan pusat perniagaan.

Selain itu, ia juga menyediakan aktiviti-aktiviti seperti latihan kemahiran tenaga kerja, bimbingan teknikal produk, bimbingan teknikal kemahiran, dan program pembangunan sistem produktiviti dan kualiti.

Berdasarkan objektif dan aktiviti yang dijalankan di bawah skim ini, tidak syak lagi bahawa Pusat Kraftangan Negeri Kedah menjadi ejen terpenting bukan sahaja untuk menghasilkan usahawan kraf komersial tetapi juga untuk memperkenalkan teknologi-teknologi baru dalam bidang kraf yang berkaitan.

2.5 PENYATAAN MASALAH

Memandangkan kraftangan merupakan satu bidang yang mempunyai potensi besar untuk dikomersialkan dengan meluas, maka Skim Inkubator telah dilaksanakan untuk melatih dan memberi bimbingan kepada para peserta untuk mendapatkan pengetahuan dan kemahiran yang berkaitan dengan industri kraf supaya mereka boleh menjalankan perniagaan sendiri dengan jayanya.

Pengenalan teknologi dalam Skim Inkubator akan memudahkan pengkomersialan produk kraf kerana mereka boleh menghasilkan produk dalam kuantiti yang banyak dengan kualiti yang seragam. Walaupun begitu, kraftangan mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri, malahan penghasilan produk kraf yang menggunakan tangan dan peralatan ringkas itu sendiri juga adalah satu nilai estetika. Dengan ini penggunaan teknologi dikhuatiri akan menjejaskan nilai estetika yang terdapat pada produk kraf.

Kajian tentang teknologi dalam EKS telah banyak diperkatakan oleh ramai penyelidik sebelum ini seperti Oyelaran dan Lal (2006), Philips (2002), Colombo dan Delmastro (2002), Chamsuri, Abdul dan Ahmad (1995), dan Ahmad dan Hassan (1993). Kajian Chamsuri, Abdul dan Ahmad (1995), dan Ahmad dan Hassan (1993) pula secara jelas menunjukkan keadaan di mana kurangnya penerimaan terhadap teknologi pada masa itu.

Oleh itu, kajian kes ini bertujuan untuk melihat adakah situasi tersebut telah berubah. Selain itu, tiada satupun kajian yang ada yang menyentuh teknologi dengan nilai estetika dalam kraftangan. Maka perkara yang ingin dirungkai di sini ialah:

1. Adakah usahawan kraf sudah bersedia untuk menerima penggunaan teknologi baru bagi menghasilkan kraftangan komersial?
2. Apakah tanggapan usahawan kraf terhadap pengekal nilai-nilai estetika di dalam kraftangan hasil penggunaan teknologi?

2.6 KESIMPULAN

Memandangkan teknologi diperlukan untuk mengkomersialkan produk kraf kerana faedah yang boleh diperolehi daripadanya sebagaimana yang dibuktikan oleh Colombo dan Delmastro (2002). Maka penggunaan teknologi adalah satu keperluan pada masa ini. Teknologi ini boleh diperkenalkan melalui program inkubator kerana peranannya untuk memberikan bimbingan dan bantuan kepada para peserta. Tetapi pada masa yang sama nilai estetika juga perlu diberi perhatian kerana penggunaan teknologi boleh menjejaskan nilai-nilai estetika yang wujud hasil daripada kerja tangan.

BAB III KAEDAH KAJIAN

3.1 PENGENALAN

Kajian ini bertujuan untuk menjawab kepada dua persoalan kajian iaitu:

1. Adakah usahawan kraf sudah bersedia untuk menerima penggunaan teknologi baru bagi menghasilkan kraftangan komersial?
2. Apakah tanggapan usahawan kraf terhadap pengekal nilai-nilai estetika di dalam kraftangan hasil penggunaan teknologi?

Terdapat dua pendekatan berbeza dalam kajian kes ini di mana analisis kuantitatif (soal selidik) dan kualitatif (temuramah) digunakan untuk menjawab persoalan pertama di atas. Manakala untuk persoalan kedua pula, hanya hasil perbincangan daripada temubual digunakan.

NOTA:

Analisis bagi soalan kajian kedua adalah suatu bentuk perbincangan hasil daripada temubual dengan responden dan berbentuk eksplorasi semata-mata yang bertujuan untuk membuka perbincangan dan kajian yang lebih luas di masa hadapan. Oleh itu, tiada bentuk atau struktur yang formal digunakan untuk mendapatkan data-data yang berkaitan dan analisis dilakukan dengan mengambil rumusan daripada perbincangan sahaja.

Memandangkan kajian nilai estetika adalah di luar bidang tumpuan penyelidik, maka perbincangan berkenaan soalan kajian kedua adalah terbatas dan terhad kepada persoalan itu sendiri. Temuramah digunakan sebagai hasil kajian berdasarkan kepada andaian bahawa responden seorang yang layak untuk memberikan pandangan (expert opinion) dalam bidang mereka.

3.2 KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Terdapat empat kaedah yang digunakan di dalam kajian kes ini iaitu:

1. Tinjauan
2. Temuramah (expert opinion)
3. Borang soal selidik
4. Data sekunder

3.2.1 Data Utama

Borang soal selidik yang bertujuan untuk melihat persepsi terhadap teknologi telah dirangka dan dibahagikan kepada empat bahagian yang utama iaitu Teknologi secara umum, Perancangan dan Pelaksanaan, Teknologi yang digunakan (hardware), dan Kemahiran yang dikuasai (software). Borang soal selidik ini berbentuk deskriptif dan hanya bertujuan untuk melihat persepsi responden terhadap teknologi yang digunakan dalam industri kraf sahaja.

Bagi melaksanakan kaedah tinjauan, temuramah, dan soal selidik, empat siri lawatan telah dilakukan ke Pusat Kraftangan Negeri Kedah yang terletak di Hutan Kampung, Alor Setar yang merangkumi satu tinjauan pada 27 Februari 2007, temuramah tidak berstruktur pada 29 Julai 2007, soal selidik pada 08 Ogos 2007, dan temuramah berstruktur pada 28 Ogos 2007.

A. Lawatan Pertama

Tinjauan ke atas Pusat Kraftangan Negeri Kedah telah dilakukan pada 27 Februari 2007 untuk mendapatkan gambaran awal tentang peranan Pusat Kraftangan daripada pegawai yang terlibat terutamanya melalui Skim Inkubator dan meninjau aktiviti-aktiviti para peserta. Selain itu, tinjauan juga telah dilakukan untuk melihat sejauhmana teknologi baru telah diperkenalkan oleh Pusat Kraftangan melalui Skim Inkubator dan mengenalpasti peralatan serta perkakasan yang digunakan.

B. Lawatan Kedua

Pada 29 Julai 2007, dua temuramah tidak berstruktur telah dilakukan secara rawak ke atas peserta Skim Inkubator iaitu Encik Abdul Rahman yang mengusahakan produk yang berasaskan *handmade paper* dan Puan Mashitoh yang mengusahakan produk berasaskan seramik. Perkara utama yang menjadi asas kepada temuramah ini ialah berkaitan dengan penggunaan teknologi baru dalam industri kraf dan persepsi terhadap pengekal nilai-

nilai estetika dalam kraftangan. Selain itu, temuramah secara ringkas juga dilakukan ke atas peserta-peserta Skim Inkubator yang lain. (Maklumat peserta di lampiran 1)

C. Lawatan Ketiga

Hasil daripada dua tinjauan sebelumnya, satu soal selidik yang berbentuk deskriptif telah diedarkan pada 08 Ogos 2007 secara rawak kepada 15 orang responden yang terdiri daripada para peserta Skim Inkubator dan pekerja-pekerja mereka. Soal selidik ini bertujuan untuk menjawab persoalan tentang persepsi mereka terhadap teknologi baru dalam industri kraf. (Borang soal selidik di lampiran 2)

D. Lawatan Keempat

Akhir sekali, satu temuramah berstruktur telah diadakan bersama-sama dengan pengarah Pusat Kraftangan Negeri Kedah iaitu Encik Mokhtar pada 28 Ogos 2007 untuk melihat peranan Pusat Kraftangan dan persepsi beliau terhadap teknologi baru dalam industri kraf dan kesan-kesannya keatas nilai-nilai estetika. (Soalan temuramah di lampiran 3)

3.2.2 Data Sekunder

Data-data sekunder seperti hasil kajian lepas diperolehi melalui bahan bercetak yang berbentuk akademik seperti jurnal dan buku. Bahan elektronik seperti Internet juga

digunakan di samping data-data yang diperolehi daripada sumber Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM.

Data-data sekunder daripada Pusat Kraftangan Negeri Kedah juga digunakan terutamanya yang berkaitan dengan latarbelakang Pusat Kraftangan dan Skim Inkubator yang dilaksanakan.

Selain daripada dua sumber diatas, bahan-bahan bercetak yang tidak berbentuk akademik seperti majalah, surat khabar, dan berita juga dirujuk tetapi dijadikan sebagai panduan sahaja.

3.3 KAEDAH ANALISIS

Dalam Bab IV, analisis data dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian satu yang menggunakan analisis kuantitatif melalui soal selidik dan analisis kualitatif melalui temuramah untuk menjawab soalan kajian satu. Manakala, bahagian dua pula perbincangan semata-mata.

Memandangkan kaedah temuramah (expert opinion) telah digunakan dalam lawatan kedua dan keempat, maka sesetengah analisis kajian kes yang berbentuk soal jawab dan dialog digunakan untuk menjawab persoalan dan objektif kajian yang berkaitan. Soal jawab dan dialog yang digunakan dalam analisis kajian kes adalah hasil olahan semula

penyelidik mengikut kesesuaian keadaan tanpa merosakkan maklumat utama di dalam temuramah yang telah dilakukan.

Analisis soal selidik dibahagikan kepada dua iaitu analisis item individu untuk melihat hasil tersurat dalam bentuk carta pai (perpuluhan dibundarkan). Manakala analisis item keseluruhan pula melihat hasil tersirat dan hubungkait antara item individu.

BAB IV HASIL KAJIAN

4.1 PENGENALAN

Terdapat dua bahagian dapatan hasil kajian iaitu bahagian satu yang merangkumi analisis kuantitatif dan kualitatif untuk menjawab soalan kajian pertama, dan di bahagian dua pula menggunakan analisis kualitatif yang berbentuk eksplorasi untuk menjawab soalan kajian kedua.

4.2 BAHAGIAN SATU


Analisis kuantitatif (deskriptif) dan kualitatif di bahagian ini bertujuan untuk mencapai objektif kajian berikut: Mengukur persepsi usahawan kraf terhadap penerimaan teknologi baru.

4.2.1 Analisis Kuantitatif

Seramai 15 peserta terlibat dalam soal selidik ringkas ini yang dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian Teknologi Umum, Perancangan dan Pelaksanaan, Alatan dan Kemudahan (hard-ware), dan Kemahiran Pertukangan (soft-ware). (lihat lampiran 4 ringkasan analisis soal selidik)


A. Analisis Item Individu

Carta 1: Saya meminati bidang kraftangan yang diceburi.




Secara keseluruhannya responden yang mengikuti Skim Inkubator menyertainya kerana minat dalam bidang ini yang diwakili oleh 93% bersetuju dan sangat bersetuju dengan soalan yang diberikan.

Carta 2: Saya rasakan bidang kraftangan adalah bidang yang mudah unruk diceburi.




Sepuluh atau 53% responden menceburi bidang kraftangan kerana ia adalah bidang yang mudah untuk diceburi manakala selebihnya kurang bersetuju dan tidak pasti dengan soalan yang diajukan.

Carta 3: Bidang kraftangan bidang tradisional yang tidak memerlukan teknologi baru.




74% (sangat tidak setuju dan tidak setuju) responden berpendapat bahawa kraftangan bukanlah bidang yang tidak memerlukan teknologi baru. Ini menunjukkan responden menerima penggunaan teknologi.

Carta 4: Teknologi baru mampu untuk memudahkan kerja dalam kraftangan.




100% responden sangat setuju dan setuju bahawa teknologi baru akan memudahkan kerja kraftangan yang dilakukan.

Carta 5: Saya ingin mempelajari teknik kraftangan terbaru.




60% responden menunjukkan keinginan yang tinggi untuk mempelajari teknik-teknik terbaru dan moden dalam kraftangan untuk memudahkan dan melancarkan kerja mereka.

Carta 6: Saya menyedari kewujudan teknologi baru dalam kraftangan yang diceburi.




87% jawapan responden adalah sangat setuju dan setuju bahawa mereka menyedari kewujudan teknologi atau alternatif lain untuk menghasilkan produk kraf dalam bidang yang mereka ceburi.

Carta 7: Saya bersedia untuk mempelajari teknologi baru dalam kraftangan.




100% responden menyatakan kesediaan mereka mempelajari teknik dan teknologi baru dalam bidang kraf yang mereka ceburi dengan keseluruhan jawapan sangat setuju dan setuju.

Carta 8: Latihan yang diajar sama seperti objektif yang dinyatakan.




Sepuluh atau 53% responden bersetuju bahawa latihan yang diajar menepati objektif latihan manakala 47% tidak pasti dengan kenyataan tersebut.

Carta 9: Pengajar mempunyai kemahiran mendalam untuk mengajar.




Majoriti responden bersetuju dan sangat bersetuju bahawa pengajar mempunyai kemahiran tinggi untuk mengajar.

Carta 10: Pengajar mengajar kemahiran pertukangan (*soft skill*) dengan berkesan.




13% responden berpendapat pengajar tidak mengajar kemahiran pertukangan dengan berkesan walaupun mereka mempunyai kemahiran mengajar yang tinggi (rujuk item 9).

Carta 11: Pengajar menunjukkan cara menggunakan perkakasan dengan berkesan.




Jawapan responden bagi soalan ini hampir menyamai jawapan untuk item 9. Ini menunjukkan pengajar lebih mahir mengajar cara menggunakan teknologi berbanding *soft skill* itu sendiri. (rujuk item 10)

Carta 12: Kemudahan yang disediakan menepati keperluan.




60% responden bersetuju dengan kenyataan yang diajukan, tetapi kepelbagaian jawapan menunjukkan perbezaan pendapat yang ketara di kalangan responden.

Carta 13: Alatan dan kemudahan adalah yang terkini dalam bidang kraftangan.




40% responden tidak pasti sama ada peralatan yang digunakan adalah terkini dan kurang 50% responden mengatakan alatan adalah terkini bermakna terdapat bidang kraf yang ketinggalan dalam teknologi.

Carta 14: Alatan dan kemudahan sentiasa berkeadaan baik untuk digunakan.




Jawapan yang diberikan adalah pelbagai di mana masing-masing 34% dan 33% mewakili tidak setuju dan kurang pasti. Ini menunjukkan alatan yang tidak mencukupi dan disenggara dengan baik.

Carta 15: Saya tidak pernah melihat alatan yang digunakan sebelum mengikuti skim.




Jawapan adalah hampir sekata untuk setiap pilihan jawapan kerana perbezaan bidang kraf yang diceburi di samping tahap penggunaan alatan yang berbeza-beza mengikut bidang dan pengalaman responden.

Carta 16: Saya tidak pernah menggunakan alatan seperti di sini sebelum mengikuti skim.




Kepelbagaian jawapan ini secara langsung menyatakan sebab kepada kepelbagaian jawapan responden untuk item 15 di atas.

Carta 17: Pengetahuan dan kemahiran menggunakan perkakasan mudah dikuasai.




60% responden bersetuju dengan kenyataan tersebut menunjukkan bahawa teknologi yang dipelajari adalah teknologi yang mudah dan sudah biasa digunakan dalam bidang kraftangan yang berkaitan.

Carta 18: Saya berpendapat perkakasan yang disediakan bukan yang termoden.




53% responden bersetuju bahawa peralatan yang disediakan bukanlah yang terkini. Ini menunjukkan responden sedar bahawa peralatan yang digunakan sekarang adalah terlalu umum.

Carta 19: Kemahiran yang diajar mudah untuk difahami.




60% responden bersetuju bahawa kemahiran (soft skill) yang diajar mudah difahami menunjukkan bahawa responden sudah biasa dengan teknik pertukangan asas bidang kraf yang diceburi.

Carta 20: Kemahiran yang diajar sesuai dengan bidang kraftangan yang diceburi.




86% responden sangat setuju dan setuju dengan soalan yang diajukan. Ini menunjukkan bahawa *soft skill* yang diajar adalah bertepatan dengan kehendak penghasilan produk kraf.

Carta 21: Kemahiran yang diajar dapat dipraktikkan dalam keadaan sebenar.




Majoriti responden berpendapat kemahiran yang diajar bertepatan dengan keperluan bidang kraf yang berkaitan.

Carta 22: Terdapat perbezaan pengetahuan ketara hasil daripada latihan yang dijalankan.




Majoriti responden merasakan terdapat perbezaan tahap pengetahuan sebelum dan semasa mengikuti Skim Inkubator. Tetapi 20% responden tidak setuju kerana mereka sudah ada pengalaman yang serupa sebelum mengikuti Skim ini.

Carta 23: Saya dapat menguasai kemahiran pertukangan yang diajar dengan berkesan.



66% responden dapat menguasai kemahiran pertukangan dengan berkesan menunjukkan wujud hubungan langsung dengan item-item yang sebelumnya.

Carta 24: Saya dapat menguasai kemahiran menggunakan perkakasan dengan berkesan.



73% responden setuju dengan kenyataan ini menunjukkan bahawa responden mampu menguasai teknologi baru jika diberi peluang untuk mempelajarinya.

B. Analisis Item Keseluruhan

Untuk bahagian Umum, terutamanya item 4, 6, dan 7 yang menyentuh teknologi secara umum, majoriti responden bersetuju bahawa teknologi memudahkan kerja mereka (53.3%). Mereka juga menyedari akan kewujudan teknologi baru dalam kraftangan (46.7%), dan bersedia untuk mempelajarinya (53.3%). Selain itu, item 3 menunjukkan 46.7% responden tidak bersetuju bahawa kraftangan tidak memerlukan teknologi baru. Secara keseluruhannya, wujud kesepakatan pendapat di kalangan responden berkaitan dengan item yang ditanya kerana terdapat peratusan yang tinggi untuk setiap jawapan yang diberi. (lihat jadual 2)

Jadual 2: Teknologi Umum

	SANGAT TIDAK SETUJU (%)	TIDAK SETUJU (%)	KURANG PASTI (%)	SETUJU (%)	SANGAT SETUJU (%)
Teknologi Umum					
1. Saya meminati bidang kraftangan yang diceburi.	0	0	6.7	40	53.3
2. Saya rasakan bidang kraftangan adalah bidang yang mudah untuk diceburi.	0	20	26.7	46.7	6.7
3. Bidang kraftangan adalah bidang tradisional yang tidak memerlukan teknologi baru.	26.7	46.7	13.3	13.3	0
4. Teknologi baru mampu untuk memudahkan kerja dalam kraftangan.	0	0	0	53.3	46.7
5. Saya ingin mempelajari teknik-teknik kraftangan yang terbaru.	0	0	6.7	33.3	60
6. Saya menyedari akan kewujudan teknologi baru dalam kraftangan yang diceburi.	0	0	13.3	46.7	40
7. Saya sentiasa bersedia untuk mempelajari teknologi baru dalam kraftangan.	0	0	0	53.3	46.7

Secara tersiratnya dapatlah disimpulkan bahawa, kraftangan bukanlah satu bidang yang bertujuan untuk memenuhi masa lapang semata-mata kerana responden menunjukkan keseriusan mereka untuk menceburi bidang ini. Selain itu, responden sangat mengalu-alukan penggunaan teknologi kerana ianya akan memudahkan penghasilan produk kraf. Dengan ini, secara tidak langsung menunjukkan bahawa responden mementingkan kaedah yang boleh menghasilkan produk kraf dengan lebih mudah dan cepat untuk tujuan komersial.

Walaupun bagaimanapun, jika dilihat kepada item 3 pula, terdapat variasi jawapan yang agak luas jika dibandingkan dengan item yang lain di bahagian ini. Variasi yang wujud disebabkan oleh latarbelakang bidang kraf responden yang pelbagai menyebabkan responden memberikan tanggapan keperluan teknologi yang berbeza mengikut kesesuaian bidang kraf yang mereka ceburi.

Untuk bahagian Perancangan dan Pelaksanaan (jadual 3), responden bersetuju dengan semua item yang disenaraikan dengan setiap satunya mempunyai peratusan yang melebihi 50% kecuali item 10 iaitu 46.7%. Responden bersetuju bahawa latihan yang diajar menepati objektif yang ditetapkan. Selain itu, tenaga pengajar juga mempunyai kemahiran yang tinggi untuk mengajar. Responden juga bersetuju bahawa tenaga pengajar mempunyai kemahiran pertukangan dan mereka mengajar menggunakan peralatan dengan cara yang betul. Ini bermakna secara umumnya perancangan yang dilakukan telah dilaksanakan dengan baik seperti yang telah ditetapkan.

Jadual 3: Perancangan dan Pelaksanaan

	SANGAT TIDAK SETUJU (%)	TIDAK SETUJU (%)	KURANG PASTI (%)	SETUJU (%)	SANGAT SETUJU (%)
Perancangan dan Pelaksanaan					
8. Latihan yang diajar sama seperti objektif yang telah dinyatakan.	0	0	46.7	53.3	0
9. Pengajar mempunyai kemahiran yang mendalam untuk mengajar.	0	0	13.3	66.7	20
10. Pengajar mengajar kemahiran pertukangan dengan berkesan.	0	13.3	13.3	46.7	26.7
11. Pengajar menunjukkan cara menggunakan alatan dan kemudahan dengan berkesan.	0	0	13.3	60	26.7

Untuk bahagian Alatan dan Kemudahan, terdapat perbezaan pendapat yang begitu ketara di kalangan responden untuk setiap item yang ditanya. Ini dibuktikan dengan taburan jawapan responden yang agak besar merangkumi keseluruhan pilihan jawapan daripada sangat tidak setuju kepada sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa setiap responden mempunyai tanggapan yang berbeza apabila menyentuh hal-hal yang berkaitan dengan teknologi (hardware). (lihat jadual 4)

Kepelbagaian jawapan dalam jadual 4 wujud kerana responden terlibat dalam pelbagai bidang kraftangan yang berbeza seperti ukiran kayu, batik, seramik, dan *handmade paper*. Ini menjadikan keperluan teknologi berbeza mengikut bidang masing-masing. Oleh itu, adalah sukar untuk menyediakan teknologi yang diperlukan yang betul-betul boleh menpati kehendak dan keperluan responden. Ini juga menunjukkan bahawa ada bidang kraf yang berkehendakkan teknologi lain daripada yang digunakan sekarang.

Jadual 4: Alatan dan Kemudahan

	SANGAT TIDAK SETUJU (%)	TIDAK SETUJU (%)	KURANG PASTI (%)	SETUJU (%)	SANGAT SETUJU (%)
Alatan dan Kemudahan (Hard-Ware)					
12. Kemudahan yang disediakan untuk skim inkubator menepati keperluan.	13.3	6.7	13.3	60	6.7
13. Alatan dan kemudahan adalah yang terkini dalam bidang kraftangan.	6.7	6.7	40	33.3	13.3
14. Alatan dan kemudahan yang disediakan sentiasa berkeadaan baik untuk digunakan.	13.3	33.3	33.3	13.3	6.7
15. Sebelum mengikuti skim ini, saya tidak pernah melihat alatan seperti yang digunakan di sini.	14.3	14.3	21.4	28.6	21.4
16. Sebelum mengikuti skim ini, saya tidak pernah menggunakan alatan seperti yang digunakan di sini.	13.3	26.7	0	46.7	13.3
17. Pengetahuan dan kemahiran untuk menggunakan alatan dan kemudahan mudah dikuasai.	0	13.3	20	60	6.7
18. Saya berpendapat alatan dan kemudahan yang disediakan bukanlah yang termoden.	0	6.7	33.3	53.3	6.7

Oleh kerana tidak wujud kesepakatan pendapat di kalangan responden untuk bahagian ini, maka secara tidak langsung teknologi adalah antara isu yang paling utama yang menjadi perhatian responden dan secara tidak langsung juga menunjukkan bahawa responden menyedari akan kepentingan teknologi.

Untuk bahagian Kemahiran Pertukangan (jadual 5), majoriti responden bersetuju dengan semua item yang dinyatakan dengan setiap satunya melebihi 50%. Ini menunjukkan bahawa responden tiada masalah di dalam kemahiran kraftangan. Hal ini boleh dikaitkan dengan minat mereka yang mendalam terhadap kraftangan (item 1), dan perancangan dan

pelaksanaan yang sempurna di dalam melatih mereka untuk menguasai kemahiran (item 8 hingga 11).

Selain itu, responden secara umumnya mencadangkan bahawa teknologi baru dan terkini diperkenalkan untuk membolehkannya berkembang lebih luas, di samping peralatan dan kemudahan perlulah diperbanyakkan dan dipertingkatkan lagi. Secara keseluruhannya, bahagian alatan dan kemudahan yang berkaitan secara langsung dengan teknologi merupakan perkara yang agak kritikal berbanding dengan isu-isu lain.

Jadual 5: Kemahiran Pertukangan


	SANGAT TIDAK SETUJU (%)	TIDAK SETUJU (%)	KURANG PASTI (%)	SETUJU (%)	SANGAT SETUJU (%)
Kemahiran Pertukangan (Soft-Ware)					
19. Kemahiran yang diajar mudah untuk difahami.	0	6.7	20	60	13.3
20. Kemahiran yang diajar sesuai dengan bidang kraftangan yang diceburi.	0	6.7	6.7	60	26.7
21. Kemahiran yang diajar dapat dipraktikkan dalam keadaan sebenar.	0	6.7	13.3	53.3	26.7
22. Terdapat perbezaan pengetahuan yang ketara hasil daripada latihan yang dijalankan.	0	20	13.3	60	6.7
23. Saya dapat menguasai kemahiran pertukangan yang diajar dengan berkesan.	0	6.7	20	66.7	6.7
24. Saya dapat menguasai kemahiran menggunakan alatan dan kemudahan dengan berkesan.	6.7	0	20	73.3	0

Secara keseluruhannya, item yang paling banyak menunjukkan kepelbagaian jawapan di bahagian Teknologi Umum adalah item 3 seperti yang dapat dilihat dalam carta 25 di

bawah. Kenyataan yang diajukan di item 3 bertujuan untuk melihat adakah teknologi baru tidak diperlukan dalam bidang kraf. Walaupun, majoriti responden sangat tidak bersetuju dan tidak bersetuju dengan kenyataan tersebut yang mewakili 73.4% tetapi kepelbagaian jawapan yang wujud adalah kerana bidang kraf yang diceburi oleh responden adalah pelbagai.

Kepelbagaian jawapan juga wujud di sekitar item 12 hingga 18 yang merupakan bahagian Alatan dan Kemudahan (hardware). Ini menunjukkan terdapat hubungkait di antara item 3 dengan item-item di bahagian *Hardware* kerana kepelbagaian latarbelakang bidang kraf yang diceburi responden menyebabkan kehendak *hardware* atau teknologi yang mereka perlukan juga berbeza.

Carta 25: Rumusan Keseluruhan Jawapan Responden



Oleh itu, jika suatu *hardware* memenuhi keperluan seorang responden yang mengusahakan seramik, *hardware* yang sama mungkin tidak memenuhi keperluan responden yang mengusahakan batik. Hal ini adalah bertepatan terutamanya yang melibatkan penggunaan Kemudahan Gunasama yang disediakan oleh pihak Pusat Kraftangan.

Oleh yang demikian, walaupun penggunaan teknologi dalam kraftangan secara umumnya diterima oleh responden, tetapi keperluan teknologi itu sendiri adalah berbeza-beza mengikut bidang kraf. hal ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Oyelaran-Oyeyinka dan Lal (2006) yang berkaitan dengan penggunaan teknologi dengan kadar capaian yang berbeza di antara negara. Tetapi dalam hal ini adalah perbezaan dari segi bidang kraf itu sendiri.

4.2.2 Analisis Kualitatif

Tiga siri temuduga telah dilakukan ke atas tiga responden iaitu Encik Mokhtar yang merupakan pengarah Pusat Kraftangan Negeri Kedah, Puan Mashitoh, dan Encik Abdul Rahman yang merupakan peserta Skim Inkubator. Hasil analisis di bahagian ini adalah berbentuk dialog, perbincangan, dan pandangan responden (*expert opinion*) bersama penyelidik.

A. Encik Mokhtar

Berikut adalah perbincangan dengan Encik Mokhtar:

“Kraftangan kita perlu selari dengan perubahan teknologi, kita menyedari akan hal ini. Teknologi baru seperti teknologi maklumat adalah penting untuk membantu usahawan dalam mempromosikan hasil keluaran mereka dan mendapatkan maklumat-maklumat yang terkini dalam perusahaan yang berkaitan. Antara langkah yang telah diambil ialah merancang untuk mempertingkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi contohnya untuk tujuan merekabentuk di dalam ukiran batu. Selain itu, penggunaan mesin seperti Kawalan Proses Bernombor atau Numerical Process Control (CNC) juga penting dalam perusahaan ukiran dan belum digunakan di dalam industri ini lagi”.

Tambahnya lagi, *“kami sedar akan kepentingannya kerana ia boleh meningkatkan mutu dan jumlah pengeluaran, contohnya mesin CNC yang boleh digunakan dalam hasil kraf yang berasaskan marmar”.*

B. Puan Mashitoh

Berikut adalah hasil perbincangan dengan Puan Mashitoh:

Apabila ditanya berkenaan kaedah tradisional dan isu kualiti, Puan Mashitoh menjawab, *“Penggunaan kaedah lama yang menggunakan kayu api bukan sahaja memakan masa*

yang lama tetapi kawalan suhu adalah lebih rumit. Walaupun begitu, kualiti yang dihasilkan adalah lebih baik dan mempunyai nilai estetika yang mendalam jika dibuat secara tradisional”.

Untuk mengeluarkan seramik secara komersial, adalah sukar untuk menggunakan kaedah tradisional kerana kesukaran untuk memenuhi tempahan pelanggan yang kadang-kala banyak. Beliau tidak pernah menggunakan kaedah lama di dalam pembuatan tembikar kerana mendapat pendedahan awal dengan menggunakan kaedah moden. Sungguhpun begitu, kaedah tradisional yang membentuk tembikar menggunakan tangan adalah perlu untuk menghasilkan acuan induk sebelum rekabentuk tembikar tersebut dapat dihasilkan dalam kuantiti yang banyak.

Apakah ada wujud perbezaan dari segi kualiti? Beliau menjawab kedua-duanya mempunyai kelebihan dan kelemahan tersendiri. Penggunaan tangan adalah satu kemahiran yang tidak dapat dikuasai oleh semua orang kerana ia adalah seni. Ia adalah satu anugerah (gift) yang bukan semua orang mampu untuk memilikinya. Ketiadaan anugerah menyebabkan hasil yang diperolehi tidak menjadi dan hasilnya ialah tembikar dengan kualiti yang rendah.

“Tembikar yang rosak ada yang boleh diperbaiki semula dan ada yang tidak boleh diperbaiki lagi dan terpaksa dibuang. Jika belum dibakar lagi, tembikar tersebut boleh dibaiki tetapi apabila telah melalui proses pembakaran, ia terpaksa dibuang” ujar Puan Mashitoh.

Beliau sendiri mengakui agak sukar untuk menghasilkan tembikar dengan menggunakan tangan. Penggunaan acuan membantu penghasilan dalam kuantiti yang banyak dan mempunyai bentuk yang seragam di antara satu sama lain. Masalah kualiti boleh wujud apabila aduan tanah liat tidak memenuhi secara sekata keseluruhan ruang acuan. Ini boleh merosakkan tembikar yang dihasilkan.

Beliau yang menyedari bahawa selain kaedah pembakaran yang menggunakan gas, kaedah yang lebih maju iaitu menggunakan elektrik telahpun wujud dan sangat mengalukan penggunaan teknologi tersebut.

C. Encik Abdul Rahman

Berikut adalah hasil perbincangan dengan Encik Abdul Rahman:

Encik Abdul Rahman Sani Abdullah yang bergiat dalam perusahaan yang berasaskan *handmade paper*, mempunyai nada yang agak berlainan daripada Puan Masitoh yang begitu bersetuju jika teknologi baru digunakan dalam perusahaan kraf.

“Hasil keluaran handmade paper di Jepun adalah yang terbaik di dunia. Ini kerana perusahaan tersebut telah diwarisi sejak turun-temurun lagi. Jika dibandingkan dengan perusahaan ini di Malaysia, kita memang ketinggalan jauh di belakang” kata Encik Abdul Rahman. Apabila diajukan soalan adakah kejayaan tersebut disebabkan penggunaan teknologi moden? Jawab beliau *“rahsia kejayaan mereka adalah kerana*

menggunakan kaedah tradisional seratus peratus”. “Walaupun begitu terdapat negara-negara yang menggunakan teknologi moden dalam perusahaan ini seperti di *Bangladesh*”, tambahnya lagi.

“Usahlah dibandingkan dengan Jepun, dengan Thailand dan Filipina pun kita masih dibelakang”. Itulah jawapan yang diberikan apabila ditanya mengenai kedudukan kita di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, beliau mengatakan selain daripada batang pisang, jerami padi dan batang tebupun boleh dijadikan bahan asas untuk menghasilkan *handmade paper*. Di sini penggunaan teknologi boleh diperkenalkan untuk menukar hasil sampingan pertanian tersebut menjadi bahan asas.

D. Tinjauan Penyelidik

Penyelidik yang meluangkan masa meninjau di sekitar pusat inkubator pada 27 Februari dan 29 Julai 2007, mendapati *Reject product* atau keluaran yang tidak menepati mutu boleh dilihat di mana-mana di sekitar bengkel tersebut. Alangkah ruginya kayu yang telah dipotong tetapi tersilap ukuran atau mengalami keretakan terpaksa dibuang, hasil tembikar dalam pelbagai peringkat dan dalam pelbagai bentuk terpaksa diadun semula akibat keretakan, kertas-kertas *handmade* yang mengembang dan lembut, dan sebagainya.

Ini tidak termasuk masa yang terbuang untuk menghasilkan setiap keluaran yang akhirnya menjadi *reject product* tersebut. Semua ini meninggalkan kos yang tinggi yang akhirnya terpaksa ditanggung oleh pembeli kraftangan tempatan.

Di sini penyelidik dapati bahawa *reject product* tersebut kebanyakan dilakukan oleh kecuaiian manusia itu sendiri, sepertimana yang kita tahu aktiviti kraftangan berasaskan kerja tangan. Ini menyebabkan penyelidik terfikir jika sesetengah proses digantikan dengan penggunaan mesin, adakah peratusan *reject product* dapat dikurangkan?

E. Rumusan

Daripada temuramah tersebut, rumusan berikut diperolehi:

1. Secara umumnya, semua responden yang ditemuramah bersetuju dengan kepentingan teknologi baru dalam kraftangan.
2. Penerimaan terhadap penggunaan teknologi baru berbeza-beza mengikut bidang kraf yang terlibat. Hal ini berlaku kerana dua sebab yang utama. Pertama, bidang kraf yang berbeza menyebabkan keperluan teknologi yang berbeza (kes Puan Mashitoh dan Encik Abdul Rahman). Kedua, kesan penggunaan teknologi memberikan tahap kualiti yang berbeza.
3. Kenyataan kedua di atas secara tidak langsung menyokong analisis kuantitatif bahagian Alatan dan Kemudahan (hardware) yang menunjukkan kepelbagaian persepsi responden terhadap teknologi yang digunakan. (rujuk jadual 4)

4.3 BAHAGIAN DUA

Perbincangan di bahagian ini bertujuan untuk mencapai objektif kajian berikut: Mengenalpasti tanggapan usahawan kraf terhadap pengekal nilai-nilai estetika dengan penggunaan teknologi baru.

Penyelidik telah merumuskan perbincangan dan pengkajian yang dilakukan berkenaan estetika seperti di bawah:

Perubahan Zaman dan Keadaan

Tercalarkah kesenian yang telah diwarisi sejak zaman berzaman dari satu keturunan ke satu keturunan apabila ada generasi yang berikutnya “merosakkan” nilai seni yang terdapat di dalam hasil kraftangan apabila menggunakan teknologi baru? Hilangkah nilai penghayatan dan estetikanya?

Masyarakat Melayu khasnya begitu menghargai warisan dan kesenian yang telah diwarisi sejak sekian lama kerana ia melambangkan identiti bangsa. Adalah tidak pelik apabila kajian yang dilakukan oleh Ahmad dan Hassan (1993) 14 tahun dulu menunjukkan bahawa pengusaha kraftangan tidak melihat penggunaan teknologi sebagai sesuatu yang penting kerana kraftangan itu memang berkait rapat dengan cara penghasilannya.

Ini kerana pada ketika itu, secara umumnya matlamat asal penghasilan kraftangan adalah sekadar untuk meluaskan masa lapang di samping keluaran yang dihasilkan adalah untuk perhiasan. Ini juga kerana majoriti pengusaha kraftangan yang bersifat tradisional ini tidak meletakkan kraftangan sebagai periuk nasi utama mereka dan bilangan yang dihasilkan agak rendah sehinggakah kemahiran yang dimiliki dan alatan “kuno” yang digunakan lebih daripada memadai untuk memenuhi permintaan.

Selain itu, kraftangan juga adalah aktiviti yang menjadi hobi di mana matlamatnya adalah untuk menghasilkan sesuatu dengan kepakaran sendiri. Maka, kepuasan daripada penghasilan produk kraf secara manual dan peralatan tangan itu memberikan nilai estetika kepada pembuatnya. Kraftangan juga boleh dikaitkan dengan barangan perhiasan yang bersifat antik di mana peragaannya sudah pasti memberikan kepuasan dan keunikan kepada pemiliknya. Keunikan dan keantikan itu juga dikaitkan dengan barangan yang dihasilkan secara teliti dan penuh penghayatan.

Situasi 10 ke 15 tahun dahulu telah banyak berbeza dengan keadaan semasa kerana sudah ramai pengusaha kraftangan yang menjadikan kraftangan sebagai punca utama pendapatan, di samping usaha berterusan pihak yang berkaitan seperti pusat kraftangan untuk mempromosikan hasil kraftangan ke pasaran yang lebih luas dan seterusnya merangsang permintaan yang tinggi. Keadaan ini mendesak mereka untuk menghasilkan keluaran kraftangan dalam kuantiti yang banyak. Oleh itu, apakah kesannya ke atas nilai estetika?

Sebagai contohnya, untuk menghasilkan labu sayung yang berkualiti, ia perlu dibakar di dalam relau seharian. Jika permintaan bertambah secara mendadak contohnya semasa musim perayaan bolehkah pembakaran tersebut disingkatkan? Jawapannya sudah tentulah tidak kerana ia akan menjejaskan kualiti labu sayung yang dihasilkan. Hal ini mungkin tidak wujud 20 tahun lalu kerana permintaan yang tidak meluas. Tetapi situasi sekarang sangatlah berbeza kerana labu sayung telahpun dipromosi sehingga ke pasaran antarabangsa. Jika tidakpun, perusahaan ini telah dikomersialkan dengan giat berbanding dulu.

Maka bagaimanakah, untuk mengeluarkannya dalam kuantiti yang banyak? Yang dapat menjimatkan masa, ruang, dan tenaga pekerja. Jawapannya sudah tentulah teknologi baru! Teknologi yang boleh dikatakan moden ini jika dibandingkan dengan kaedah sebelumnya masih boleh mengekalkan kualiti malahan dapat menghasilkan keluaran yang mempunyai kualiti yang seragam kerana suhu pembakaran yang boleh dikawal disamping persekitaran pembakaran yang sempurna.

Ditanya apakah bezanya membuat tembikar menggunakan tangan dengan menggunakan acuan, Puan Mashitoh menjawab, *“yang paling penting ialah nilai estetika dan kepuasan yang diperolehi apabila membuat tembikar dengan menggunakan tangan. Ini menyebabkan harga yang ditawarkan juga akan meningkat berbanding penggunaan acuan”*.

Penggunaan teknologi baru menyebabkan hasil keluaran dijual pada harga yang rendah kerana tiada nilai-nilai penghayatan di dalamnya. Walau bagaimanapun, tembikar tersebut dihasilkan dalam kuantiti yang banyak dan bukan untuk tujuan perhiasan semata-mata tetapi untuk tujuan kegunaan harian, maka penggunaan teknologi dapat meningkatkan kuantiti dan juga jualan.

Estetika dilihat dari Segi Fungsi atau Kegunaan

Terdapat beberapa keadaan di mana penggunaan teknologi tidak akan menjejaskan nilai estetika. Seperti contohnya kes pembuatan labu sayung tersebut. Ini kerana teknologi yang digunakan adalah untuk tujuan pembakaran labu sayung yang telah siap dihasilkan. Dari segi rupa bentuk, corak dan rupanya masih tidak berubah, malahan penggunaan teknologi baru memudahkan proses pembakaran dilakukan.

Sepertimana yang dapat dirumuskan daripada Encik Mokhtar, penggunaan teknologi maklumat tidak akan menjejaskan cara penghasilan produk kraf. Oleh itu, teknologi dalam kraftangan tidak semestinya perlu menggantikan elemen utama sesuatu produk kraf tersebut. Contohnya, labu sayung terkenal kerana minuman yang disimpan di dalamnya sentiasa sejuk dan mempunyai khasiatnya yang tersendiri. Ini ada kaitannya dengan tanah liat yang digunakan. Maka penggunaan bahan yang lain selain tanah liat walaupun bentuk dan rupanya masih labu sayung akan menjejaskan nilai dan identiti labu sayung tersebut.

Estetika dilihat dari Segi Unsur atau Motif

Penyelidik sempat berbual-bual dengan seorang pegawai di Pusat Kraftangan tentang takrifan kraftangan. Beliau berkata sesuatu kraftangan itu hanya akan diiktiraf jika ia mempunyai unsur-unsur tempatan. Jika ianya tiada unsur-unsur tempatan walaupun penghasilannya sama seperti penghasilan produk kraf yang mempunyai unsur tempatan, maka ia tidak boleh diiktiraf sebagai kraftangan. Contohnya replika yang dibuat daripada tanah liat berbentuk Balai Nobat akan diiktiraf sebagai kraftangan tetapi replika yang dibuat daripada tanah liat tetapi berbentuk patung “Statue of Liberty” bukanlah kraftangan.

Daripada takrifan yang diterangkan oleh pegawai tersebut, ia menekankan tentang mesej yang dibawa oleh sesuatu produk kraf tersebut. Maka timbul persoalan penyelidik, adakah produk kraf yang dibuat secara seratus peratus tradisional tetapi tidak mempunyai motif atau unsur tempatan mempunyai nilai estetika? Jika merujuk kepada takrifan yang diguna pakai oleh pegawai tersebut yang merujuk kepada takrifan kraftangan tempatan, maka produk tersebut (“Statue of Liberty” contohnya) bukanlah hasil kraftangan.

Maka penyelidik mendapati bahawa bukanlah teknologi itu yang akan menentukan secara keseluruhan nilai estetika atau kesenian sesuatu produk kraf, tetapi unsur atau motif budaya yang akan menentukan nilainya. Oleh itu, penggunaan teknologi tetapi mengekalkan unsur atau motif asalnya tidak semestinya akan menjejaskan nilai estetika atau keseniannya. Ini adalah kerana unsur atau motif budaya yang dibawa oleh produk

kraf itu (sama ada dihasilkan secara tradisional atau penggunaan teknologi) yang akan menentukan nilai estetikanya.

Estetika dilihat dari Segi Pengalaman atau Peristiwa

Lazimnya produk kraf itu dijadikan cenderamata tanda kenang-kenangan untuk mengingati sesuatu peristiwa. Dalam hal ini nilai estetika itu bergantung kepada peristiwa yang dilalui oleh seseorang. Contohnya apabila mengunjungi sesuatu tempat tarikan pelancongan yang indah, lazimnya gambarlah yang akan menjadi bukti dan juga penyimpan memori serta mencetuskan ilham atau kenangan lama pemiliknya yang membolehkannya mengimbau kembali masa silamnya.

Jika dilihat dari contoh di atas, gambar tersebut memang mempunyai ciri-ciri estetika yang tersendiri kerana menyimpan kenangan pemiliknya. Begitulah juga halnya, apabila membeli cenderamata tanda kenang-kenangan atau dari sudut yang agak ekstrim seorang peminat bola sepak yang sanggup membeli bola yang digunakan dalam piala dunia pada harga yang mahal. Semua ini mempunyai nilai estetik yang tersendiri. Jika diperhatikan dengan teliti, gambar dan bola bukanlah produk kraf malahan penghasilannya juga menggunakan teknologi yang tinggi tetapi mempunyai nilai estetika.

Hal ini berlaku kerana sesuatu peristiwa atau pengalaman yang dialami oleh pemiliknya ataupun pembuatnya. Dengan ini, penggunaan teknologi dalam kraftangan dari sudut

peristiwa tidak akan menjejaskan nilai estetikanya kerana produk kraf itu sendiri mungkin tidak mempunyai nilai estetikanya jika tidak diberikan oleh pemiliknya.

Maka dalam hal ini, produk kraf yang menggunakan teknologi untuk keluaran secara besar-besaran sebagai cenderahati atau hadiah akan menerima nilai estetikanya yang berbeza-beza bergantung kepada persepsi pemiliknya walaupun, sebelum dimiliki ianya tiada nilai estetikanya. Malahan nilai estetikanya tersebut boleh berubah jika pemilik produk kraf tersebut bertukar.

Dengan ini, adalah sukar untuk menentukan bahawa teknologi yang digunakan secara langsung atau tidak langsung ke atas penghasilan produk kraf akan menjejaskan nilai estetikanya. Maka dalam hal ini sesuatu nilai estetikanya itu adalah bergantung kepada fungsi, motif, dan peristiwa yang dilalui oleh pemunya.

Walau bagaimanapun, seperti kata Encik Mokhtar, *“Kita memang perlu kepada teknologi baru tetapi tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada teknologi kerana perlu mengekalkan nilai-nilai seni dan budaya yang ada”*. Manakala Puan Mashitoh pula berkata penggunaan tradisional dalam pembuatan seramik memberikan nilai estetikanya dan kualitinya adalah tinggi. Selain itu, harga yang ditawarkan juga adalah tinggi.

4.3.3 Rumusan

Daripada temuramah tersebut, rumusan berikut diperolehi:

1. Penggunaan teknologi tidak semestinya menjejaskan nilai-nilai estetika yang wujud dalam produk kraf. Ini kerana teknologi boleh digunakan untuk membantu proses-proses sedia ada dan bukan untuk mengantikannya. Contoh, relau pembakaran dalam perusahaan seramik.
2. Penggunaan teknologi yang tidak menyentuh penghasilan produk kraf tidak akan menjejaskan nilai estetikanya. Contoh, teknologi maklumat untuk tujuan pemasaran.
3. Produk kraf yang bertujuan untuk kegunaan harian dan komersial (yang bukan untuk tujuan hiasan) kurang mementingkan nilai estetika tetapi lebih mementingkan fungsinya.
4. Dengan atau tanpa penglibatan teknologi dalam kraftangan, nilai estetika sesuatu produk kraf adalah ditentukan oleh fungsi/kegunaan, unsur/motif, dan pengalaman/peristiwa.

4.4 LIMITASI KAJIAN

Seperti yang dinyatakan dalam Bab III Kaedah Kajian, kajian kes hanya berbentuk deskriptif dan eksplorasi sahaja. Maklumat soal selidik adalah berbentuk umum dan soalan-soalan yang disediakan adalah hasil daripada tinjauan dan pemerhatian yang telah dibuat sebelumnya.

Untuk analisis kualitatif terutamanya yang menjawab soalan kedua, matlamat yang utama adalah untuk melihat tanggapan responden melalui perbincangan dengan mereka (expert opinion) terhadap nilai estetika dalam kraftangan sahaja. Oleh itu, ia bertujuan untuk membuka peluang kajian yang lebih mendalam di masa hadapan.

Antara limitasi yang lain adalah sesetengah responden memberikan jawapan atau pandangan yang kurang menepati soalan yang diajukan. Masalah dari segi kesuntukkan masa semasa menemuramah responden juga menyebabkan setiap sesi temuramah terpaksa dilakukan dalam jangka masa yang singkat dan terdapat sesetengah responden yang kurang memberikan kerjasama yang sepatutnya.

Selain itu, data-data sekunder terutamanya yang berkaitan dengan nilai estetika yang menyentuh kraftangan secara langsung sangat sukar diperolehi kerana kekurangan sumber rujukan dan kadar capaian yang sangat rendah. Ini menyebabkan untuk menjawab persoalan kedua kajian ini, hanya maklumat daripada temuramah tidak formal dengan responden digunakan.

Walau bagaimanapun, persoalan yang kedua hanyalah pelengkap kepada persoalan kajian pertama yang lebih penting dan menjadi intipati kepada kajian kes ini sepertimana yang telah dipersetujui dalam cadangan kajian.

BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 KESIMPULAN

Kraftangan begitu sinonim dengan nilai-nilai estetikanya dan mencerminkan budaya masyarakat yang memilikinya. Akan tetapi kraftangan yang dulunya bertujuan untuk perhiasan telah bertukar menjadi produk komersial yang boleh memberikan pendapatan kepada pengusahanya. Dengan ini, penggunaan teknologi diperlukan untuk membantu penghasilan produk kraf dalam kuantiti yang besar supaya dapat memenuhi permintaan pasaran. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi dikhuatiri akan menjejaskan nilai-nilai estetika produk kraf tersebut. Ini menjadikan isu penggunaan teknologi dan pengekalannya nilai estetika dalam kraftangan sebagai sesuatu yang relevan untuk diperbincangkan.

Kajian ini hanya menggunakan kaedah temuramah untuk mendapatkan persepsi responden terhadap nilai estetika dalam produk kraf dan lebih kepada perbincangan (expert opinion) semata-mata. Hal ini dilakukan kerana matlamat kajian ini adalah untuk melihat tanggapan umum responden sahaja di samping bertujuan untuk menjana maklumat bagi kajian yang lebih mendalam di masa hadapan. Oleh itu, ia sekadar tinjauan asas di peringkat eksplorasi sahaja.

Hasil daripada soal selidik yang telah diedarkan, terdapat beberapa persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Ahmad dan Hassan (1993) 14 tahun dulu. Antaranya

menyentuh soal alatan dan kemudahan yang tidak lengkap dan kurang automasi, tetapi terdapat juga perubahan di kalangan pengusaha kraftangan sekarang di mana mereka sudah mula menyedari dan menerima teknologi baru dalam kraftangan berbanding dengan kajian Chamsuri, Abdul dan Ahmad (1995) 12 tahun yang lalu. Sudah terbukti bahawa teknologi mampu mengkomersialkan kraftangan berbanding kaedah tradisional.

Keperluan untuk menggunakan teknologi tidak boleh diketepikan lagi jika hendak melihat keluaran kraftangan kita pergi lebih jauh dan memberikan pulangan yang lumayan. Sepertimana yang diketahui, kraftangan adalah satu bidang pekerjaan dan bukannya hobi semata-mata. Itulah matlamat asal Skim Inkubator untuk melahirkan usahawan kraf yang mampu menjana pendapatan.

Kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa terdapat penerimaan yang positif terhadap teknologi oleh usahawan kraf yang mengusahakan produk kraf secara komersial. Walau bagaimanapun, penerimaan teknologi ini berbeza-beza bergantung kepada bidang kraf yang terlibat. Hal ini menyokong kajian yang dilakukan oleh Oyelaran dan Lal (2006). Tinjauan juga menunjukkan tidak terdapat bukti yang jelas yang menunjukkan bahawa penggunaan teknologi akan menjejaskan nilai-nilai estetika yang terdapat dalam produk kraf. Ini kerana rupabentuk produk kraf itu sendiri telah melambangkan identiti masyarakat yang berkaitan.

Selain itu, tujuan produk kraf itu akan menentukan tahap kepentingan nilai estetika di dalamnya. Produk kraf yang dihasilkan kerana fungsinya (seperti pasu bunga) kurang

mementingkan nilai estetika. Manakala produk kraf yang bertujuan hiasan atau kenang-kenangan menitik beratkan nilai estetika. Dengan erti kata lain, produk kraf untuk tujuan komersial lebih mementingkan fungsi daripada penghayatan nilainya. Ini berbeza dengan produk kraf yang dijadikan perhiasan atau cenderamata kerana nilai estetika adalah elemen utama yang juga bertujuan untuk mengekalkan kenangan atau memori pemiliknya.

Oleh itu, soal estetika dalam produk kraf mempunyai dua pandangan yang berbeza, di mana ia sangat penting bagi produk kraf yang bertujuan untuk dijadikan kenang-kenangan. Manakala bagi produk kraf yang bertujuan untuk penggunaan harian pula, yang lebih utama adalah fungsinya selain menjadi pengganti kepada produk lain di pasaran.

5.2 CADANGAN

Industri kraf adalah industri yang mempunyai potensi yang luas kerana kaitannya dengan industri pelancongan yang banyak memberikan pulangan yang besar kepada sumber pendapatan negara. Industri ini menunjukkan kemajuannya yang berterusan di mana sumbangannya kepada negara sentiasa meningkat dari tahun ke tahun.

Penggunaan teknologi dalam program inkubator telah banyak diperkatakan oleh penyelidik, maka peranan untuk memajukan industri ini yang telah diamanahkan kepada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia melalui Skim Inkubator yang ditawarkan

menjadi ejen terpenting untuk membawa masuk dan memperkenalkan teknologi baru kepada usahawan kraf tempatan.

Oleh itu, terdapat dua cadangan yang utama. Pertama, kajian yang berkaitan dengan penggunaan teknologi dan hubungkaitnya dengan pengekalan nilai estetika dalam kraftangan masih belum diterokai sepenuhnya. Suatu kajian yang bersifat kuantitatif yang melihat kepada korelasi di antara teknologi dan nilai estetika dalam kraftangan boleh dilakukan di masa hadapan.

Kedua, kajian tentang nilai estetika dalam kraftangan itu sendiri masih kurang dilakukan oleh penyelidik terutamanya yang mengaitkan produk kraf komersial. Oleh itu, kajian yang mendalam perlu dilakukan di masa hadapan.

RUJUKAN

- Abduh, M., et. al. (2007). Investigating and Classifying Clients' Satisfaction with Business Incubator Services. *Managing Service Quality*, vol. 17, no. 1. Emerald Group Publishing Limited.
- Ahmad, T.A. & Hassan A.R. (1993). Teknologi Industri Kraftangan: Masalah dan Cabaran. Azrae Zainol (editor). *Prosiding Seminar Kebangsaan Industri Kraftangan*. Jawatankuasa Penerbitan Universiti Utara Malaysia: Kedah.
- Appignanesi, R. (2007). Futures of Art in Retrospect. *Futures*, 39, 1159-1167, Science Direct, Elsevier.
- Azrae Zainol (editor) (1993). *Prosiding Seminar Kebangsaan Industri Kraftangan*. Jawatankuasa Penerbitan Universiti Utara Malaysia: Kedah.
- Badri, M. (1993). Kepentingan Industri Kraftangan dan Implikasinya Kepada Industri Pelancongan Malaysia. Azrae Zainol (editor). *Prosiding Seminar Kebangsaan Industri Kraftangan*. Jawatankuasa Penerbitan Universiti Utara Malaysia: Kedah.
- Chamsuri S., Abdul H.J. & Ahmad M.Z. (1995). *Industri Desa Semenanjung Malaysia*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia: Bangi.
- Colombo, M.G, & Delmastro, M. (2002). How Effective are Technology Incubators? Evidence from Italy. *Research Policy*, 31, 1103-1122. Elsevier Science.
- Feagin. S. & Maynard. P. (editors) (1997). *Aesthetics*. Oxford University Press: Great Britain.

- Khalil, T (2000). *Management of Technology: The Key to Competitiveness and Wealth Creation*. Int ed. McGraw-Hill: Singapore.
- Leigh, B. (2000). *The Changing Face of Malaysian Crafts: Identity, Industry, and Ingenuity*. Oxford University Press: Malaysia.
- Mohd Khairuddin, H., Abdul Jumaat, M., Sa'ari, A. & Mustafa, A. (2004). Innovative Practices of Malaysian Companies: Some Evidence from the Enterprise 50 Winners. Khairuddin, H. (auditor). *Business Practices in Malaysia, Small and Medium-Sized Enterprises*. Penerbit Universiti Utara Malaysia: Kedah.
- Mustafa, Z., Mohd Khairuddin, H. & Sa'ari, A. (2004). Malaysian SMEs Perceptions of E-Business: Some Empirical Evidence. Mohd Khairuddin, H. (auditor). *Business Practices in Malaysia, Small and Medium-Sized Enterprises*. Penerbit Universiti Utara Malaysia: Kedah.
- Nazatul Shima, A.R. (2007). What is an Incubator Program. *The Business Wallpapers*, vol. 2, issue 1.
- Ngo, D.C.L, Teo, L.S., & Byrne, J.G (2003). Modelling Interface Aesthetics. *Information Science*, 152, 25-46. Elsevier.
- Oyelaran-Oyeyinka, B. & Lal, K. (2006). *Learning New Technologies by Small and Medium Enterprises in Developing Countries*. *Technovation* 26, 220-231.
- Philips, R.G. (2002). Technology Business Incubators: How Effective as Technology Transfer Mechanisms? *Technology in Society*, 24, 299-316. Elsevier Science.
- Pittard, N., Ewing, M., & Jevons, C. (2007). Aesthetic Theory and Logo Design: Examining Consumer Response to Proportion Across Cultures. *International Marketing Review*, 24, 457-473. Emerald.

- P. K. Yong (1993). Perkembangan Selangor Pewter dalam Industri Kraftangan dari Aspek Teknologi dan Pasaran. Azrae Zainol (editor). *Prosiding Seminar Kebangsaan Industri Kraftangan*. Jawatankuasa Penerbitan Universiti Utara Malaysia: Kedah.
- Schroeder, J.E. (2005). The Artist and the Brand. *European Journal of Marketing*, 39, 1291-1305, Emerald.
- Singh, N. (2005). Analyzing the Cultural Content of Web Sites: A Cross-national comparison of China, India, Japan, and US. *International Marketing Review*, 22, 129-146. Emerald.
- White, M.A. & Bruton, G.D. (2007). *The Management of Technology and Innovation: A Strategic Approach*. First ed. Thomson South-Western: Canada.

LAMPIRAN 1

SENARAI PESERTA SKIM INKUBATOR (2000 – 2007)

Lima masih dalam latihan manakala selebihnya sudah menamatkan latihan.

Syarikat : **Armensa Design**
Pemilik : Abd Rahman Sani Abdullah
Bidang : Hand-made Paper
Alamat : Pusat Kraftangan, Kedah
Telefon : 017 480 1717

Syarikat : **MNS Berkat Sdn Bhd**
Pemilik : Mashitoh Bt Ahmad
Bidang : Seramik
Alamat : Pusat Kraftangan, Kedah
Telefon : 04 741 7288

Syarikat : -
Pemilik : Zalinda Abd Ghani
Bidang : Batik
Alamat : Pusat Kraftangan, Kedah
Telefon : 017 422 9116

Syarikat : **Anggun Kraft**
Pemilik : Azmi Ismail
Bidang : Ukiran Kayu
Alamat : No 10, Kpg Teluk Kandeh,
Alor Mengkudu, Alor Setar
Telefon : 012 408 2685

Syarikat : **Kraf Klasik Utara**
Pemilik : Abu Bakar Ali
Bidang : Ukiran Kayu
Alamat : Jln TJJ 2, Kepala Batas
Telefon : 019 451 5416

Syarikat : **Serumpun Batik Ent**
Pemilik : Mohd Halmy Ahmad
Bidang : Batik Tulis
Alamat : 11A, Jln Alor Semandong,
Alor Setar
Telefon : 012 569 6525

Syarikat : **Asset Crystal Craft Sdn Bhd**
Pemilik : Adabiyah Bt Darus
Bidang : Marble Dust
Alamat : 2518, Rumah Kedai Pumpong,
Pumpong, Alor Setar
Telefon : 04 720 4775

Syarikat : **Yanz Collection**
Pemilik : Azizah Hasan
Bidang : Sulaman dan Pesh Work
Alamat : No 6, Medan Bendahara,
Tanjung Bendahara, Alor Setar
Telefon : -

Syarikat : **RBW Collection**
Pemilik : Rosmini Bt Wan Iman
Bidang : Jahitan, Sulaman
Alamat : Kpg Kubang Menerong Dalam,
Padang Sira, Kodiang
Telefon : 012 459 5306

Syarikat : **Perniagaan Husin Cek Lat**
Pemilik : Husin Cek Lat
Bidang : Ukiran Kayu
Alamat : Kpg Hujung Mergong,
Mukim Mergong, Alor Setar
Telefon : -

Syarikat : **MIE Seramik**
Pemilik : Shahril Helmi
Bidang : Seramik
Alamat : 129, Taman Orkid,
Fasa 5, Sungai Layak, Sungai Petani
Telefon : 012 630 2291

Syarikat : **Kraf Mutiara Unik**
Pemilik : Ismarudin Ahmad
Bidang : Logam/Tembaga
Alamat : Kpg Sungai Kunyit, Gurun
Telefon : 017 466 8179

Syarikat : **SNA Ceramic Ent**
Pemilik : Nor Azwa Bt Ahmad
Bidang : Seramik
Alamat : 23, Hadapan Masjid Sg Baru Tengah, Alor Setar
Telefon : 04 734 8241

Syarikat : **Hashim Craft Ent**
Pemilik : Hashim Bin Yahya
Bidang : Seramik
Alamat : Kpg Pauh Sayong,
Kuala Kangsar, Perak
Telefon : 012 558 4474

Syarikat : **Mohd Muhizan Ent**
Pemilik : Mohd Muhizan Bin Mokhtar
Bidang : Seramik
Alamat : Batu 4 ¼, Jln Hutan Kampung, Alor Setar
Telefon : 012 532 8849

Syarikat : **Zul's Batik Collection**
Pemilik : Zulkifli B. Mad Isa
Bidang : Batik
Alamat : 1713, Permatang Sg 2,
Kepala Batas, SPU Penang
Telefon : 019 445 5224

Syarikat : **Koleksi Shuha**
Pemilik : Hasnah Bt Hashim
Bidang : Pesh Work – Jahitan Tampal
Alamat : -
Telefon : -

Syarikat : **Fesyen & Hiasan Dalaman Iswaniza**
Pemilik : Nor Aniza Bt Mohd Radzi
Bidang : Pesh Work
Alamat : 70, Taman Rasa Sayang, Jitra
Telefon : 04 917 4555

LAMPIRAN 2

Borang Kaji Selidik

Teknologi Dalam Kraftangan Tempatan: Kajian Kes Kraftangan Negeri Kedah.

Latarbelakang

1. Jantina: Lelaki / Perempuan
2. Pernah terlibat dalam kraftangan sebelum ini: Ya / Tidak
3. Tahun mula menjalani latihan

4. Tempoh masa menjalani latihan

5. Bidang kraftangan yang diceburi

ARAHAN

Bulatkan nombor yang menepati pandangan anda.

Contohnya, jika anda tidak bersetuju dengan suatu kenyataan bulatkan nombor 2. jika anda sangat bersetuju dengan suatu kenyataan bulatkan nombor 5.

- | | |
|----------|----------------------------|
| 1 | sangat tidak setuju |
| 2 | tidak setuju |
| 3 | kurang pasti |
| 4 | setuju |
| 5 | sangat setuju |
-

Umum	
1. Saya meminati bidang kraftangan yang diceburi.	(1) (2) (3) (4) (5)
2. Saya rasakan bidang kraftangan adalah bidang yang mudah untuk diceburi.	(1) (2) (3) (4) (5)
3. Bidang kraftangan adalah bidang tradisional yang tidak memerlukan teknologi baru.	(1) (2) (3) (4) (5)

4. Teknologi baru mampu untuk memudahkan kerja dalam kraftangan.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
5. Saya ingin mempelajari teknik-teknik kraftangan yang terbaru.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
6. Saya menyedari akan kewujudan teknologi baru dalam kraftangan yang diceburi.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
7. Saya sentiasa bersedia untuk mempelajari teknologi baru dalam kraftangan.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Perancangan dan Pelaksanaan					
8. Latihan yang diajar sama seperti objektif yang telah dinyatakan.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
9. Pengajar mempunyai kemahiran yang mendalam untuk mengajar.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
10. Pengajar mengajar kemahiran pertukangan dengan berkesan.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
11. Pengajar menunjukkan cara menggunakan alatan dan kemudahan dengan berkesan.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
Alatan dan Kemudahan (Hard-Ware)					
12. Kemudahan yang disediakan untuk program inkubator menepati keperluan.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
13. Alatan dan kemudahan adalah yang terkini dalam bidang kraftangan.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
14. Alatan dan kemudahan yang disediakan sentiasa berkeadaan baik untuk digunakan.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
15. Sebelum mengikuti program ini, saya tidak pernah melihat alatan seperti yang digunakan di sini.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
16. Sebelum mengikuti program ini, saya tidak pernah menggunakan alatan seperti yang digunakan di sini.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
17. Pengetahuan dan kemahiran untuk menggunakan alatan dan kemudahan mudah dikuasai.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
18. Saya berpendapat alatan dan kemudahan yang disediakan bukanlah yang termoden.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)

Kemahiran Pertukangan (Soft-Ware)					
19. Kemahiran yang diajar mudah untuk difahami.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
20. Kemahiran yang diajar sesuai dengan bidang kraftangan yang diceburi.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
21. Kemahiran yang diajar dapat dipraktikkan dalam keadaan sebenar.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
22. Terdapat perbezaan pengetahuan yang ketara hasil daripada latihan yang dijalankan.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
23. Saya dapat menguasai kemahiran pertukangan yang diajar dengan berkesan.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)
24. Saya dapat menguasai kemahiran menggunakan alatan dan kemudahan dengan berkesan.	(1)	(2)	(3)	(4)	(5)

Cadangan dan Komen

-Terima Kasih-

LAMPIRAN 3

Temuramah

1. Berapa lamakah tuan telah menjawat jawatan ini?
2. Apakah pendapat tuan tentang perkembangan teknologi dalam industri kraf?
3. Adakah tuan menyedari akan kepentingan teknologi baru/terkini dalam industri kraf?
4. Adakah keadaan untuk memiliki teknologi baru/terkini dalam industri kraf sangat kritikal dalam 5 hingga 10 tahun akan datang?
5. Apakah ada usaha untuk memperkenalkan teknologi baru/terkini dalam program yang dilaksanakan di pusat kraf cawangan kedah?
6. Adakah penggunaan teknologi baru/terkini dapat meningkatkan kualiti keluaran kraf?
7. Apakah langkah-langkah untuk memperkenalkan teknologi baru/terkini yang boleh dilakukan?
8. Apakah sebarang usaha untuk memperkenalkan teknologi baru/terkini oleh pihak luar di pusat kraf sangat dialu-alukan?
9. Adakah tuan melihat skim inkubator sebagai ejen penting penggunaan teknologi baru/terkini dalam industri kraf?

10. Bilakah skim inkubator mula diperkenalkan di pusat kraf cawangan kedah?
11. Apakah pencapaian skim inkubator cawangan kedah setakat ini?
12. Adakah sebarang indikator digunakan?
13. Jika teknologi baru/terkini digunakan dalam skim inkubator, adakah hasilnya akan lebih cemerlang?
14. Jika dibandingkan dengan industri kraf luar negara seperti Thailand, Indonesia, dan Jepun, adakah kita setaraf dengan mereka?
15. Adakah pencapaian mereka kerana mereka lebih jauh dihadapan daripada kita dari segi penggunaan teknologi baru/terkini?

LAMPIRAN 4

Jawapan Responden

Item/Resp	Resp 1	Resp 2	Resp 3	Resp 4	Resp 5	Resp 6	Resp 7	Resp 8	Resp 9	Resp 10	Resp 11	Resp 12	Resp 13	Resp 14	Resp 15
Item 1	5	4	5	3	5	4	5	5	5	5	5	4	4	4	4
Item 2	3	2	2	4	4	2	4	4	4	5	4	3	4	3	3
Item 3	1	2	1	2	2	1	3	4	4	2	2	3	1	2	2
Item 4	5	4	5	4	4	5	4	5	5	5	4	4	5	4	4
Item 5	5	5	5	4	5	5	4	5	5	5	4	3	5	4	4
Item 6	5	3	5	4	4	3	4	5	5	5	4	4	5	4	4
Item 7	5	5	5	4	4	4	4	5	5	5	4	4	5	4	4
Item 8	3	3	3	3	3	4	3	3	4	4	4	4	4	4	4
Item 9	5	4	4	5	4	3	3	4	5	4	4	4	4	4	4
Item 10	3	4	5	4	5	3	4	5	5	4	4	4	4	2	2
Item 11	3	4	5	4	4	4	3	5	5	4	4	5	4	4	4
Item 12	4	4	3	1	4	1	4	4	3	5	4	4	2	4	4
Item 13	3	4	4	3	4	1	3	3	3	5	3	5	2	4	4
Item 14	2	4	3	1	3	1	2	2	3	5	3	3	2	2	4
Item 15	4	4	5	3	0	1	4	1	5	5	3	3	2	4	2
Item 16	2	4	4	4	2	1	4	1	5	5	2	4	2	4	4
Item 17	3	4	2	4	4	3	2	3	4	5	4	4	4	4	4
Item 18	3	4	3	4	4	5	3	3	3	2	4	4	4	4	4
Item 19	4	4	3	4	3	2	4	4	5	5	4	4	3	4	4
Item 20	5	4	4	4	4	2	3	5	5	5	4	4	4	4	4
Item 21	5	4	5	4	4	2	3	5	5	4	4	3	4	4	4
Item 22	2	4	5	4	4	2	2	3	4	4	4	3	4	4	4
Item 23	5	4	4	3	4	3	2	4	4	4	3	4	4	4	4
Item 24	1	4	3	4	4	3	3	4	4	4	4	4	4	4	4

Ringkasan Jawapan Responden

Item/Pilihan	Pilihan 1	Pilihan 2	Pilihan 3	Pilihan 4	Pilihan 5	Total
Item 1	0	0	1	6	8	15
Item 2	0	3	4	7	1	15
Item 3	4	7	2	2	0	15
Item 4	0	0	0	8	7	15
Item 5	0	0	1	5	9	15
Item 6	0	0	2	7	6	15
Item 7	0	0	0	8	7	15
Item 8	0	0	7	8	0	15
Item 9	0	0	2	10	3	15
Item 10	0	2	2	7	4	15
Item 11	0	0	2	9	4	15
Item 12	2	1	2	9	1	15
Item 13	1	1	6	5	2	15
Item 14	2	5	5	2	1	15
Item 15	2	2	3	4	3	14
Item 16	2	4	0	7	2	15
Item 17	0	2	3	9	1	15
Item 18	0	1	5	8	1	15
Item 19	0	1	3	9	2	15
Item 20	0	1	1	9	4	15
Item 21	0	1	2	8	4	15
Item 22	0	3	2	9	1	15
Item 23	0	1	3	10	1	15
Item 24	1	0	3	11	0	15

Panduan	
	Jawapan Paling Tinggi
	Jawapan Hampir Sama
	Sekata
	Seorang Responden Tidak Jawab

ULASAN

majoriti meminati bidang kraftangan
 majoriti berpendapat kraftangan senang diceburi
 bidang kraftangan memerlukan teknologi baru
 teknologi baru memudahkan kerja kraftangan
 majoriti ingin mempelajari teknik kraftangan terbaru
 majoriti menyedari kewujudan teknologi baru dalam kraftangan
 majoriti bersedia untuk mempelajari teknologi baru
 ada yang setuju latihan mencapai objektif dan ada yang tidak pasti
 majoriti setuju pengajar mempunyai pengalaman mengajar
 majoriti setuju pengajar mengajar kemahiran pertukangan dengan berkesan
 majoriti setuju pengajar menunjukkan cara guna alatan dan kemudahan dengan berkesan
 majoriti setuju kemudahan dalam program inkubator menepati keperluan
 alatan dan kemudahan biasa sahaja
 alatan dan kemudahan tidak berkeadaan baik
 bilangan responden yang pernah dan tidak pernah melihat alatan adalah sekata
 majoriti responden tidak pernah menggunakan alatan sebelum ini
 majoriti setuju kemahiran menggunakan alatan dan kemudahan senang dikuasai
 majoriti setuju alatan dan kemudahan yang disediakan tidak termoden
 majoriti mudah untuk faham kemahiran yang diajar
 majoriti setuju kemahiran yang diajar sesuai dengan bidang yang diceburi
 majoriti setuju kemahiran yang diajar dapat dipraktikkan dalam keadaan sebenar
 majoriti setuju terdapat perbezaan pengetahuan ketara hasil daripada latihan yang dijalankan
 majoriti dapat menguasai kemahiran yang diajar dengan berkesan
 majoriti menguasai kemahiran menggunakan alatan dan kemudahan dengan berkesan

Panduan	
Pilihan 1	Sangat Tidak Setuju
Pilihan 2	Tidak Setuju
Pilihan 3	Kurang Pasti
Pilihan 4	Setuju
Pilihan 5	Sangat Setuju